

Ubah silibus tarik pelajar lelaki

Oleh ROHANA MAN

rohana.man@utusan.com.my

ISU pelajar wanita menguasai tempat di institusi pengajian tinggi awam (IPTA) bukanlah perkara baru. Ia muncul setiap kali pelajar baru mendaftar masuk ke universiti-universiti awam seluruh negara.

Terbaru, isu itu timbul semula apabila pendaftaran pelajar baru bagi sesi pengajian 2010/2011 pada 3 dan 4 Julai lalu menyaksikan pelajar wanita masih menguasai kampus universiti-universiti awam negara ini.

Daripada 105,377 pelajar baru yang mendaftar, sebanyak 61,750 atau 58.6 peratus adalah pelajar wanita. Ini bermakna, persekitaran kampus-kampus universiti awam kita akan dibanjiri oleh pelajar wanita.

Apabila lebih banyak pelajar wanita di IPTA, maka lebih ramailah graduan wanita akan bersaing untuk merebut jawatan yang sesuai di sektor awam mahupun swasta.

Ia sekali gus menunjukkan lebih ramai wanita akan mendapat pekerjaan yang baik berbanding dengan lelaki. Mungkin-kah fenomena tersebut akan menyebabkan wanita mengambil alih peranan lelaki dalam mencari rezeki untuk keluarga.

Mungkin juga lebih banyak kaum lelaki terpaksa menjadi 'suri rumah' apabila isteri-isteri mereka keluar bekerja. Ia kini sedang berlaku dan tidak hanya di negara kita, malah turut melanda seluruh dunia. Soalnya, adakah ia satu keadaan yang 'sihat' untuk masyarakat kita?

Jika diteliti reaksi daripada pelbagai pihak yang mengulas isu tersebut yang dipaparkan di media cetak dan media elektronik sejak tiga atau empat tahun lalu, banyak komen menegaskan bahawa ia satu fenomena yang agak merisaukan.

Ini kerana keadaan itu menunjukkan pelajar lelaki kurang berkualiti dari segi kelayakan akademik berbanding dengan pe-

PELAJAR BARU IPTA SESI PENGAJIAN 2010/2011

IPTA	WANITA	LELAKI
UiTM	14,458	9,152
UPM	3,453	1,649
UKM	2,471	1,164
UMS	2,727	1,283
UnisZA	619	241

* UnisZA - Universiti Sultan Zainal Abidin

lajar wanita. Dengan lain perkataan, pelajar wanita lebih layak dalam memenuhi syarat-syarat kemasukan ke IPTA berbanding dengan pelajar lelaki.

Senario itu diakui oleh seorang pensyarah di Jabatan Antropologi dan Sosiologi, Fakulti Sastera dan Sains Sosial Universiti Malaya, Dr. Noor Sulastri Yurni Ahmad yang menegaskan bahawa kemasukan ke IPTA ditentukan oleh kelayakan akademik, bukannya keseimbangan jantina.

Menurutnya, pelajar wanita lebih cemerlang kerana mereka lebih rajin membaca, menghafal dan mentelaah pelajaran. Memandangkan sistem pendidikan kita lebih menjurus kepada tiga perkara tersebut, maka pelajar wanita yang secara lumrahnya lebih tekun dalam menghadapi pelajaran yang bercorak sedemikian lebih berjaya. Maka hasilnya mereka mampu meraih keputusan peperiksaan awam seperti Sijil Pelajaran Malaysia atau Sijil Tinggi Persekolahan Malaysia yang lebih cemerlang berbanding dengan pelajar lelaki.

"Dari aspek psikologi, memang itulah sifat pelajar wanita. Sebab itulah juga, apabila mereka memohon masuk ke universiti, mereka lebih suka memilih bidang-bidang yang memerlukan banyak membaca dan menghafal seperti kesenian, kesusasteraan dan sains sosial," katanya kepada *Utusan Malaysia*.

Jika kerajaan mahu mengatasi perkara tersebut iaitu melihat keseimbangan gender di semua IPTA, maka silibus perlu diubah supaya ia lebih mampu menarik pelajar lelaki

Menurutnya, pelajar lelaki pula lebih gemar kepada bidang-bidang yang tidak memerlukan mereka banyak membaca seperti kejuruteraan, arkitek, seni bina atau bio perubatan.

Dr. Noor Sulastri juga berkata, keadaan itu menyebabkan kursus-kursus berkenaan dimonopoli oleh pelajar lelaki di IPTA.

"Jika dilihat pada keseluruhan jumlah pelajar baru, memang benar pelajar lelaki kurang tetapi mereka masih dominan dalam bidang-bidang yang disebut tadi," ujarnya.

Sehubungan itu, katanya, jika kerajaan mahu mengatasi perkara tersebut iaitu melihat keseimbangan gender di semua IPTA, maka silibus perlu diubah supaya ia lebih mampu menarik pelajar lelaki. Ini kerana banyak IPTA kini menawarkan kursus-kursus yang kurang digemari pelajar lelaki dan jika adapun, tempatnya begitu terhad.

"Pelajar lelaki tak minat akademik. Mereka lebih suka kepada aspek-aspek teknikal seperti teknologi maklumat, kejuruteraan dan lain-lain yang melibatkan kemahiran.

"Sebab itulah, pelajar lelaki di politeknik lebih ramai. Jadi, untuk menarik lebih ramai pelajar lelaki ke IPTA, tempat untuk mengikuti kursus-kursus yang diminati mereka perlu ditambah," ujarnya.

Apabila lebih banyak tempat yang disukai pelajar lelaki disediakan di IPTA, maka

secara tidak langsung, mereka akan lebih bersungguh-sungguh belajar di peringkat sekolah untuk mencapai impian ke menara gading.

Fakta itu dibuktikan di Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM) yang menyaksikan majoriti pelajar lelaki mendaftar pada sesi pengajian 2010/2011 baru-baru ini.

Naib Canselornya, Profesor Datuk Dr. Mohd. Noh Dalimin dalam satu kenyataan akhbar berkata, sejak universiti itu ditubuhkan pada 1993, bilangan pelajar lelaki sentiasa mengatasi pelajar wanita.

Ini kerana katanya, UTHM menawarkan kursus-kursus yang secocok dengan jiwa dan minat pelajar lelaki iaitu bidang-bidang kejuruteraan.

Pada sesi pengajian berkenaan, sebanyak 55 peratus daripada kira-kira 3,000 pelajar baru yang mendaftar adalah lelaki. Pendaftaran pelajar baru di universiti itu diadakan pada 26 Jun hingga 3 Julai lalu.

Beliau menjelaskan bahawa nisbah pelajar lelaki dan perempuan di universiti itu adalah sekitar 55:45 dan pernah mencecah 52:48 yang memihak kepada pelajar lelaki.

"Pada pendapat saya, keadaan ini berlaku kerana UTHM tidak menawarkan pengajian yang sangat diminati pelajar wanita antaranya sains makanan, sains sosial, perubatan dan farmasi," katanya.